

Tahun kedua jadi PM, rakyat nanti reformasi dan transformasi

Setahun sudah berlaku Kerajaan Perpaduan terbentuk dengan diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan fakta tidak boleh dinafikan adalah pentadbiran beliau semakin diterima rakyat.

Ya mungkin tidak semua rakyat menyokong Anwar dan Kerajaan Perpaduan gabungan Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan parti kecil lain termasuk Bebas.

Namun, menerusi pelbagai pendekatan reformasi terhadap pentadbiran dan dasar diperkenalkan Anwar khususnya Malaysia MADANI, setidak-tidaknya rakyat termasuk penyokong pembangkang tetap teruja untuk mengetahui lebih lanjut apakah keberkesanan gagasan MADANI itu.

Masih terlalu awal untuk mengukur pencapaian gagasan Malaysia MADANI dalam ruang hidup kenegaraan dan pentadbiran Kerajaan Perpaduan dalam tempoh setahun.

Meneliti pelan jangka pendek, sederhana dan panjang serta dasar diperkenalkan, ternyata Anwar tidak tergelincir daripada landasan Perlembagaan Persekutuan khususnya membabitkan perkara sensitif iaitu kedaulatan raja-raja, hak dan keistimewaan Melayu serta Bumiputera dan paling utama kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Mungkin Anwar dan barisan Menteri Kabinet beliau sudah belajar daripada pengalaman selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) apabila PH menjadi kerajaan yang mana, majoriti orang Melayu berasa gusar dengan nasib serta masa depan bangsa mereka kerana tahu ideologi PH. Justeru, ia menjadi tugas penting kepada Anwar, PH dan komponen Kerajaan Perpaduan untuk menguruskan soal persepsi ini.

Menuju tahun kedua sebagai Kerajaan Perpaduan, Anwar tidak mempunyai pilihan melainkan perlu masuk gear ketiga dan keempat bagi membuktikan kemampuan serta keupayaan parti pemerintah hari ini benar-benar serius, konsisten dan boleh diharap untuk mengangkat martabat Malaysia ke tahap lebih baik huru-hara politik pasca PRU14 pada 2018.

Banyak perkara dan isu berkecamuk dalam negara khususnya rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, kelemahan nilai ringgit, ketidakseimbangan ekonomi domestik, kenaikan kos sara hidup, inflasi dan hal kepenggunaan perlu ditangani dengan cermat Anwar dan Menteri Kabinetnya.

Anwar juga wajar meneliti semula Kabinetnya kerana masih ada menteri dilihat 'sedikit ketinggalan'. Paling penting, kakitangan awam terutama di peringkat Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua Setiausaha (KSU) kementerian sehingga paling bawah perlu selari dengan misi dan visi Perdana Menteri.

Ini kerana mereka kelihatan masih belum beri sokongan kepada Anwar seperti dilihat pada Pilihan Raya Negeri (PRN), Ogos lalu.

Walaupun saham Anwar melonjak dalam kempen Malaysia memperjuangkan nasib Palestin, rakyat tetap menunggu keberkesanan dan kejayaan setiap dasar serta inisiatif dirancang Kerajaan Perpaduan untuk dilaksanakan. **BH** percaya rakyat memerhati dan menilai dengan begitu rapat keupayaan Anwar mengharungi tahun kedua menerajui negara berbekalkan semangat reformasi.